

Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-Imam (Khatib)
Masjid Kariah Negeri Pahang Peringkat Daerah Jengka Tahun 2023



Jengka, 25 Januari 2022 - Bahagian Rujukan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang telah menganjurkan Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-Imam (Khatib) Masjid Kariah Negeri Pahang Peringkat Daerah Jengka Tahun 2023 pada hari ini.

Tujuan diadakan kursus ini adalah bagi Menjalinkan hubungan ukhawah dan persaudaraan antara Jabatan Mufti Negeri Pahang, Pejabat Agama Islam Daerah Jengka serta Imam-Imam (Khatib) Masjid Dan Surau Kebenaran Jumaat (SKJ) Daerah Jengka serta memberi kefahaman dan pendedahan kepada para peserta yang hadir mengenai teknik-teknik dan cara-cara menulis khutbah yang berkualiti dan menarik perhatian ketika dibacakan kepada para jamaah.

Pengisian kursus ini telah dibentangkan oleh Al-Fadhil Ustaz Dr. Hasbullah Bin Mohammad Timbalan Pengarah, Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan Pahang Darul Makmur (Panel Penulis Khutbah Negeri Pahang) dengan tajuk Hukum Hakam Jumaat dan Khutbah serta Bacaan Wirid Dan Zikir Selepas Solat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang YH Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP., PKC.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada peserta yang telah terlibat seramai 100 orang yang sudi hadir ke program ini. Kami juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang turut memberi kerjasama daripada Pejabat Agama Islam Daerah Jengka, Al-Fadhil Qadhi Daerah Jengka Ustaz Nik Ibrahim Bin Nik Abdullah.